

INTEGRASI KELESTARIAN ALAM DALAM TADBIR URUS INSTITUSI TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA

INTEGRATION OF ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY IN THE GOVERNANCE OF PRIVATE TAHFIZ INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Mohd Aariffin Mohd Taharin^{1*}

Norazmi Anas²

Nur Azfahani Ahmad³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: 2023274782@student.uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah, Perak, Malaysia.

(E-mail: norazmianas@uitm.edu.my)

³ Fakulti Alam Bina, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: nuraz020@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohd Taharin, M. A., Anas, N., & Ahmad, N. A. (2025). Integrasi Kelestarian Alam Dalam Tadbir Urus Institusi Tahfiz Swasta di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 868 - 881.

Abstrak: Bantuan kerajaan dan yuran pelajar didapati tidak mampu menampung kos keseluruhan tadbir urus Institusi Tahfiz Swasta (ITS) yang semakin meningkat saban tahun. Oleh yang demikian, ITS perlu mencari jalan atau alternatif baharu dalam menjana pendapatan disamping menjimatkan penggunaan sumber agar tadbir urus kekal seimbang dan stabil. Berdasarkan masalah kajian yang dikemukakan, langkah alternatif dengan mengintegrasikan pengurusan sumber hijau dalam tadbir urus ITS dijangka mampu menjimatkan kos operasi serta meningkatkan kesedaran melestarikan alam sekitar. Kajian terkini berkaitan model tahfiz menunjukkan bahawa model-model yang dikemukakan lebih menjurus kepada integrasi kurikulum dalam institusi tahfiz dengan penawaran pelbagai bidang dan memberi fokus kepada inovasi pendidikan. Ia disokong oleh analisa terhadap kajian-kajian lepas antara tahun 2020-2025 yang lebih memfokuskan pada aspek model-model kurikulum (model tahfiz sepenuh masa, model tahfiz, model tahfiz integrasi model tahfiz dini, model tahfiz turath, model tahfiz kemahiran, model tahfiz sukan, model tahfiz pemulihan), integrasi inovasi digital dalam pengajaran tahfiz, pengurusan infrastruktur, pengurusan keruntuhan akhlak berteraskan tahfiz, model integrasi waqaf dalam ITS, model integrasi keusahawanan dalam ITS dan model instrumen pengukuran. Justeru, kajian ini dijangka dapat memenuhi jurang kajian dari aspek penjimatan melalui integrasi kelestarian alam dalam tadbir urus ITS sebagai langkah alternatif bagi meningkatkan kemandirian dan jangka hayat sesebuah organisasi tahfiz dalam mendepani cabaran peningkatan kos operasi. Oleh yang demikian, Model Institusi Tahfiz Alami (MITA) dicadangkan sebagai asas utama kajian berkonsepkan Reduce, Reuse dan Produce (2R1P) sebagai pembudayaan pengurusan sumber yang berkesan ke arah merealisasikan matlamat

Dasar Pembangunan Tahfiz Negara (DPTN) untuk memperkasa pendidikan tahfiz di negara kita.

Kata Kunci: *Integrasi, Institusi Tahfiz Swasta, Kelestarian Alam, Malaysia, Tadbir Urus*

Abstract: *Government assistance and student fees have proven insufficient to cover the rising operational costs of Private Tahfiz Institutions (PTIs) in Malaysia. As such, PTIs must seek new and alternative means to generate income while conserving resources, ensuring that their governance remains balanced and sustainable. In light of this issue, the integration of green resource management into PTI governance is proposed as a viable alternative to reduce operational expenses and promote greater environmental awareness. Recent studies on tahfiz models primarily focus on curriculum integration within tahfiz institutions, offering diverse educational pathways and emphasizing educational innovation. This is evident from a review of research conducted between 2020 and 2025, which highlights various curriculum-based models such as full-time tahfiz model, integrated tahfiz model, dini tahfiz model, turath tahfiz model, skills-based tahfiz model, sports tahfiz model, and rehabilitation tahfiz model. Other areas of focus include digital innovation in tahfiz education, infrastructure management, moral rehabilitation through tahfiz, integration of waqf models in PTIs, entrepreneurial integration, and measurement instruments. However, there remains a notable research gap concerning cost-saving strategies through the integration of environmental sustainability in PTI governance. Addressing this gap, the present study aims to explore sustainable practices as an alternative pathway to enhance the resilience and longevity of tahfiz institutions amidst increasing operational challenges. Accordingly, the Model Institusi Tahfiz Alami (MITA) is proposed as the foundation of this study, anchored on the principles of Reduce, Reuse, and Produce (2R1P). This model promotes a culture of efficient resource management and supports the objectives of the National Tahfiz Development Policy (DPTN) in strengthening and empowering tahfiz education across the country.*

Keywords: *Environmental Sustainability, Governance, Integration, Malaysia, Private Tahfiz Institutions*

Pengenalan

Bantuan kerajaan dan yuran pelajar didapati tidak mampu menampung kos keseluruhan tadbir urus Institusi Tahfiz Swasta (ITS) yang semakin meningkat saban tahun (Othman & Anas, 2020). Menurut kajian Othman dan Anas (2020), ITS masih bergantung kepada dana awam serta yuran pelajar bagi menguruskan kos operasi ITS. Oleh yang demikian ITS perlu mencari jalan atau alternatif baharu dalam menjana pendapatan disamping menjimatkan penggunaan sumber agar tadbir urus kekal seimbang dan stabil. Menurut Yusoff et al. (2018), pemanasan global dan perubahan iklim yang berlaku akibat kepesatan pembangunan ditambah dengan peningkatan jumlah populasi dalam negara setiap tahun. Keadaan ini mengakibatkan permintaan keperluan seperti bekalan elektrik, bekalan air dan makan semakin meningkat. Pengurusan sumber semula jadi yang tidak diuruskan dengan baik seperti pembalakan tidak terkawal, pelepasan gas rumah hijau, pembuangan sisa pepejal boleh menyebabkan pencemaran. Masyarakat digesa agar mengaplikasikan teknologi hijau atau konsep kelestarian dalam kehidupan.

Pembaziran sumber asli yang wujud dalam kawasan ITS, sumber asli yang banyak di kawasan ITS yang tidak dimanfaatkan dengan baik contohnya ITS yang berada dikawasan taburan hujan

yang tinggi tidak memanfaatkan peluang penjimatan air melalui penuaian air. Statistik penggunaan air tahun 2021, setiap individu menghabiskan 251 liter air sehari jika dibandingkan kadar yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 160 liter sehari (Malaysia Kini, 2022). Selain itu, pengurangan kawasan tadahan hujan akibat pembangunan luar kawal dan pembalakan tidak terancang boleh mengakibatkan banjir berikutan taburan hujan yang tinggi di Malaysia. Statistik kehilangan hutan yang dikeluarkan oleh *Global Forest Watch* sejak tahun 2002 hingga 2023, Malaysia mencatatkan sebanyak 2.93 juta hektar kehilangan hutan. Perkara ini akan lebih memburuk dengan kenyataan Timbalan Ketua Pengarah dalam Forum Iklim Kebangsaan (FIK) bahawa taburan hujan dijangka meningkat mendadak pada Musim Monsun Timur Laut (MTL) bermula November 2024 hingga Mac 2025 (Harian Metro, 2024). Kenyataan akhbar ini disokong oleh data yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dengan purata hujan di seluruh Malaysia adalah sekitar 1800 hingga 3500 mililiter sebulan dengan catatan taburan meningkat lebih tinggi di Kawasan Pantai timur pada bulan November hingga Disember setiap tahun (Jabatan Meteorologi Malaysia, 2024). Pendekatan alternatif bagi menggantikan kawasan tadahan hujan diperlukan agar potensi banjir berlaku dapat dikurangkan melalui Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH).

Peningkatan tarif elektrik semakin ketara sejak 2014 disebabkan oleh permintaan serta penggunaan berlebih (Roslan, 2020), kenyataan ini dikuatirkan oleh data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia*) mencatatkan peningkatan sebanyak 26 peratus pada Mei tahun 2024 dengan penggunaan 16 396.78 MWh (Mega Watt-jam) sebulan berbanding Februari 2018 dengan catatan 12 093.30 MWh dalam sebulan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Kesan peningkatan harga tarif elektrik rentetan daripada permintaan bekalan elektrik meningkat telah memberi kesan secara langsung kepada ITS yang beroperasi secara mandiri. Sumber tenaga semula jadi seperti cahaya matahari yang boleh diubahkan kepada sumber elektrik turut tidak dimanfaatkan dengan baik disamping ia dapat mengurangkan kos utiliti sesebuah ITS. Menurut Kabir et al., (2018) penggunaan tenaga yang boleh digunakan semula seperti cahaya matahari dapat meningkatkan penjimatan kos penggunaan elektrik.

Berdasarkan masalah kajian yang dikemukakan, langkah alternatif dengan mengintegrasikan pengurusan sumber hijau dalam pengurusan ITS dijangka mampu menjimatkan kos operasi serta meningkatkan kesedaran melestarikan alam sekitar. Kajian Hassan et al. (2016a; 2016b) telah membuktikan bahawa sumbangan tenaga hijau dalam membangunkan ekonomi Islam mempunyai hubungan yang sangat signifikan. Selain itu pembentukan nilai Islam dalam merealisasikan penjimatan berteraskan sumber alam dapat dicapai. Berpandukan kepada Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan teknologi hijau memberi maksud tentang pembangunan atau pengaplikasian produk, peralatan atau sistem sebagai langkah memelihara alam sekitar dan alam semula jadi. Menurut kajian Fahmi dan Sukendah (2023), ciri-ciri produk, peralatan atau sistem teknologi hijau adalah seperti berikut:

- i. Mengurangkan kemerosotan kualiti persekitaran yang diukur melalui pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang rendah atau sifar.
- ii. Menjimatkan tenaga dan sumber asli.
- iii. Meningkatkan penggunaan sumber yang boleh diperbaharui.

Menurut kajian Zulkiflee dan Ismail (2023), kelestarian hijau mempunyai peranan sebagai salah satu bidang yang dapat menggambarkan Islam secara menyeluruh dalam merealisasikan hasrat

Islam penganutnya melaksanakan penjimatan dengan menggunakan sumber asli. Selain itu, pembudayaan penggunaan lestari alam ini mampu membentuk sebuah ketamadunan kerana hasil integrasi terbukti memberi sumbangan kepada kemajuan sesebuah negara. Menurut kajian Udin dan Musa (2022) yang dilakukan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan kelestarian alam mampu meningkatkan penjimatan tenaga dengan mengambil langkah seperti menggunakan panel fotovoltai, menggunakan lampu LED, sistem penyejuk udara, sistem pencahayaan semula jadi dan sebagainya. Justeru, integrasi kelestarian alam dalam pengurusan dijangka dapat menjimatkan perbelanjaan kos operasi Institusi Tahfiz Swasta (ITS) secara khususnya serta organisasi pendidikan tahfiz secara amnya.

Objektif kajian ini adalah mengenal pasti komponen-komponen asas kelestarian alam yang sesuai diterapkan dalam Institusi Tahfiz Swasta (ITS) sebagai usaha membantu ITS menangani isu kos operasi melalui langkah penjimatan dengan penerapan konsep kelestarian dalam pengurusan ITS. Konsep kelestarian terlalu luas dan pelbagai pilihan, namun kajian ini lebih memfokuskan kepada komponen yang tidak menelankan kos yang tinggi supaya tidak menjadi beban baru kepada pihak ITS kerana fokus utama adalah penjimatan dalam pengurusan ITS melalui kelestarian alam. Selain itu, komponen-komponen ini dijadikan asas dalam pembentukan model baharu bagi memandu arah pengurusan ITS membangunkan sebuah institusi berteraskan kelestarian alam serta membantu ITS sedia ada dengan menerapkan idea dan gagasan daripada model tersebut.

Model Tahfiz Sedia Ada di Malaysia

Penubuhan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) di Malaysia berkembang sangat pesat dengan mencatatkan jumlah pelajar kini 64,577 orang. Negeri Selangor mencatatkan jumlah terbesar iaitu 384 buah ITS dengan 21,747 orang pelajar. Pada permulaan model tahfiz yang digunakan oleh ITS adalah model tahfiz sepenuh masa. Kemudian pada tahun 1993 Model tahfiz Sains mula diperkenalkan oleh Maahad Tahfiz Klang dalam usaha melahirkan penghafaz al-Quran professional. Langkah ini turut mendapat perhatian oleh Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan membangunkan sebuah model Ulul Albab. Pada tahun 1990, Markaz Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Selangor (MARTAH) memperkenalkan Model Tahfiz Dini (Haneefa et al., 2023). Bermula tahun 2016, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) telah membangunkan empat model teras dalam memacu hala tuju pelajar tahfiz iaitu Tahfiz Dini, Tahfiz Turath, Tahfiz Sains dan Tahfiz Kemahiran. Namun model-model ini diperkemaskan menjadi tiga model utama sahaja dibawah DPTN iaitu Tahfiz Bersepadu, Tahfiz Turath dan Tahfiz Kemahiran atau Tahfiz TVET. Selain itu, terdapat juga ITS yang menggunakan Tahfiz Sukan dan Tahfiz Pemulihan.

Jadual 1: Ringkasan Jenis Model yang diamalkan di Malaysia

Jenis Model		Keterangan
1	Model Tahfiz Sepenuh Masa	• Menumpukan kepada hafazan al-Quran sepenuhnya • Ilmu lain yang dipelajari hanya melibatkan ilmu tajwid, fardu ain dan akhlak • Kaedah hafazan yang sering digunakan adalah kaedah Deobandy dengan purata 7-8 jam sehari untuk menghafaz • Model ini terbukti melahirkan ramai huffaz yang ingat al-Quran dengan baik
2	Model Tahfiz Integrasi	• Melaksanakan pembelajaran hafazan al-Quran dan akademik secara serentak

	• Silibus akademik adalah silibus yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) • Model ini juga dikenali dengan Model Tahfiz Sains dengan menggabungkan 3 kurikulum iaitu tahfiz, agama dan akademik • Kelemahan model ini pelajar hanya menumpukan kepada hafazan baru dan kurang masa untuk mengulang hafazan lama
3 Model Tahfiz Dini	• Mengabungkan antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran subjek agama lain seperti Tafsir al-Quran, Ilmu Hadis, Feqah, Bahasa Arab, Ilmu Tajwid, Sirah, Akhlak dan sebagainya. • Purata waktu hafazan model ini 6-7 jam sehari dan 2 jam diperuntukkan untuk belajar subjek lain. • Model ini ada persamaan dengan sistem pengajian Alim namun sijil tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia
4 Model Tahfiz Turath	• Mengabungkan antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran subjek agama menerusi kitab lama seperti Kitab Sahih Bukhari (hadis), Kitab Matan Abi Syujak (fekah), Kitab Matan Jauharatul al-Tauhid (akidah) dan Kitab Minhatul Qarib (tasawuf) • Kebanyakan ITS mengasingkan tiga tahun untuk hafaz al-Quran kemudian baru menyambung pengajian turath • Purata jam menghafaz al-Quran 6-7 jam sehari
5 Model Tahfiz Kemahiran	• Integrasi antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran ilmu kemahiran seperti menjahit, bertukang, memasak, automotif, elektrik dan sebagainya. • ITS berkerjasama dengan pusat latihan kemahiran yang diiktiraf seperti GIATMARA, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan lain-lain. • Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diperolehi melayakkan pelajar menyambung pengajian peringkat ijazah tanpa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
6 Model Tahfiz Sukan	• Mengabungkan antara hafazan al-Quran dengan Latihan sukan tertentu seperti olahraga, bola sepak, badminton, ping pong dan sebagainya • Model yang masih baru dan tidak banyak sekolah yang menawarkan model ini • Model ini memerlukan modal yang besar dari segi kemudahan dan jurulatih pakar
7 Model Tahfiz Pemulihan	• Memfokuskan kepada hafazan al-Quran digabungkan dengan fokus pemulihan dan pemantapan akhlak • Matlamat model ini adalah kepada pelajar yang pernah terlibat kes salah laku agar Kembali ke pangkal jalan menerusi kaedah hafazan al-Quran • Fokus utama adalah kepada bidang kaunseling

Sumber: Haneefa et al. (2023)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, dirumuskan bahawa model-model yang dikemukakan lebih menjurus kepada integrasi kurikulum dalam institusi tahfiz dengan penawaran pelbagai bidang dan memberi fokus kepada inovasi pendidikan.

Kajian-Kajian Lepas (2020-2025)

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat 20 kajian-kajian lepas berkaitan pengurusan pendidikan tahfiz dalam tempoh enam tahun terkini (2020-2025) merangkumi satu penerbitan bagi tahun 2025, masing-masing empat penerbitan bagi tahun 2023-2024, masing-masing lima penerbitan bagi tahun 2021-2022 dan hanya satu penerbitan pada tahun 2020.

Jadual 2: Ringkasan Kajian-Kajian Lepas Tahun 2020-2025


	Penulis	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian	Fokus Kajian
1	Yusof et al. (2025)	<i>Online Al-Quran Tasmik Model for Quality Education</i>	Model tasmik al-Quran secara alam maya. Pembentukan manual penggunaan kepada institusi pengajian yang melibatkan bidang al-Quran khususnya tahfiz	Pengurusan kurikulum melibatkan inovasi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran
2	Abdullah et al. (2024)	Integrasi Pendidikan Tahfiz dan Akademik	Integrasi tahfiz dan akademik bukan hanya melahirkan pelajar yang mahir dalam bidang profesional malah mempunyai pegangan agama yang kukuh	Model Tahfiz Integrasi
3	Hassan et al. (2024)	Impak Pelaksanaan Wakaf Tunai Ke Arah Melestarikan Sekolah Agama Rakyat (SAR): Kajian di Sekolah Rendah Tahfiz Integrasi (SRITI) Al-Fateh, Raub, Pahang	Perlaksanaan waqaf tunai mempunyai potensi yang besar dalam usaha meningkatkan kelangsungan dana kewangan serta menjamin pengurusan yang baik dan kestabilan dalam menampung pembiayaan operasi serta kemudahan asas dalam ITS	Pengurusan waqaf tunai
4	Sani (2024)	Penerapan Psikoterapi Islam Dalam Mengelola Stress Pasien Kanker (Studi Kasus Terhadap Klien "M" Kanker Prostat di Tahfiz Darul Furqan)	Penerapan al-Quran dalam menangani masalah stres akibat kanser menunjukkan kesan positif. Kajian berfokus kepada pemulihan barasaskan Quran	Pengurusan Tahfiz Pemulihan
5	Shaharuddin et al. (2024)	Kemajuan Inovasi Aplikasi Tahfiz Digital: Satu Kemudahan bagi Pengajian Tahfiz Al-Quran di Malaysia	Terdapat sembilan aplikasi digital Tahfiz yang dipasarkan dalam <i>google play store</i> dan <i>Apps store</i>	Inovasi digital dalam pembelajaran tahfiz
6	Azri & Sulaiman (2023)	Pembangunan Sistem Pembelajaran Maahad	Model penyimpanan data secara sistematik bagi mengatur pemusatan data	Integrasi pengurusan

		Tahfiz Sains Tanah Merah	pembelajaran secara alam maya	maklumat dalam tahfiz
7	Sanusi et al. (2023)	Pelaporan Kewangan Wakaf Tunai Di Sekolah-Sekolah Tahfiz Swasta Negeri Sembilan	Pengurusan akaun lebih berkesan dengan menyediakan laporan kewangan secara bertulis bagi mengurangkan risiko ketirisan dan kepincangan kewangan	Pengurusan kewangan dan akauntabiliti
8	Hisam et al. (2023)	Metod Pengajian Tahfiz Menggunakan Kaedah Turki Uthmani Di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia	Kaedah hafazan Turkiyah mampu memudahkan pelajar dalam menghafaz dan menghayati al-Quran	Modul Pembelajaran/kaedah hafazan
9	Mohd Aariffin (2023)	Kerangka Pengurusan Aktiviti Keusahawanan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) di Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi MARA	Integrasi keusahawanan memberi kesan positif terhadap pembangunan kewangan ITS sehingga mampu menyumbang 40 peratus keuntungan daripada aktiviti keusahawanan kepada ITS	Integrasi keusahawanan dalam tahfiz
10	Anas et al. (2022)	<i>Tahfiz-based Model on Akhlaq of Adolescents (TMAA): Views from Selected Tahfiz Associations in Malaysia</i>	Penerapan al-Quran dalam pendidikan perdana dilihat mampu menangani masalah keruntuhan akhlak dari kalangan remaja	Pengurusan akhlak berteraskan al-Quran. Fokus kepada tahfiz pemulihan
11	Muhammad et al. (2022)	<i>Skills-based curriculum design for culinary course in Traditional Tahfiz institutions</i>	Penerapan pembelajaran kulinari dilihat dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar tahfiz dalam mendepani kehidupan mencabar masa hadapan	Model Tahfiz TVET
12	Yones et al. (2022)	Pembinaan Akhlak Peserta Didik Melalui Pembelajaran Tahfiz Alquran	Pembelajaran tahfiz dapat memberi kesan positif dalam membentuk akhlak seseorang	Pembangunan model tahfiz pemulihan
13	Zakaria et al. (2022)	Model Hafazan Al-Quran Techno Huffaz	Penerapan al-Quran dalam sistem pengajian di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) bagi meningkatkan nilai tambah dalam jati diri pelajar	Pembangunan modal insan
14	Mohd Akhir & Mohd Yusof	Pembangunan Wakaf Di Maahad Tahfiz An-Nahdhoh, Pulau	Integrasi waqaf dalam ITS terbukti dapat meningkatkan tadbir urus kewangan ITS	Pengurusan Waqaf dalam meningkatkan

	(2022)	Pinang: Acuan Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta	dan sesuai diaplikasikan oleh ITS yang lain	kelestarian pengurusan kewangan ITS
15	Baharudin (2021)	Keberkesanan aplikasi al-Quran m-pembelajaran dalam meningkatkan pencapaian Hifz Al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)	Penggunaan telefon pintar atau peranti mudah alih yang dimuatkan dengan aplikasi al-Quran sesuai dijadikan alat bantu mengajar dan menarik minat pelajar untuk memahami al-Quran serta memberi Kesan positif kepada kemajuan pelajar	Pengurusan pembelajaran /inovasi alat bantu mengajar dalam dunia pendidikan al-Quran
16	Doyok (2021)	Model evaluasi CIPP dalam mengevaluasi program tahfiz selama daring di SMP Islam Al-Ishlah Bukittinggi	Kajian menunjukkan berlaku pengurangan drastik terhadap pencapaian hafazan al-Quran sepanjang berlaku bencana wabak COVID-19	Model instrumen pengukuran terhadap ITS
17	Rashed et al. (2021)	Perlaksanaan Model Kurikulum Turath di Maahad Tahfiz Integrasi Negeri Selangor	Integrasi kurikulum turath dengan kurikulum perdana sebagai usaha mengimbangi urusan akhirat dan dunia dalam mendepani kemajuan yang semakin pesat	Model Tahfiz Turath
18	Rashed et al. (2021)	Pengurusan Infrastrukturekolah: Kajian Kes Di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)	Kemudahan makmal, asrama dan fasiliti umum dapat menyokong pengajaran dan pembelajaran di ITS	Pengurusan infrastruktur
19	Taharin & Anas (2021)	Populariti Aktiviti Keusahawanan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) di Malaysia	Integrasi aktiviti keusahawanan dalam ITS dapat mengukuhkan kewangan serta kelangsungan ITS. Pengurusan keusahawanan lebih efektif jika diasingkan entiti pengurusan pendidikan dengan pengurusan ekonomi dalam sesebuah organisasi tahfiz	Pengurusan keusahawanan
20	Abu Hassan et al. (2020)	Model Hamalatul Quran Kurikulum Pendidikan Tahfiz Negara (MyQuran)	Integrasi kurikulum tahfiz dan kurikulum akademik secara berterusan bermula dari Taska sehingga Ijazah	Model Tahfiz Integrasi

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2 di atas, terdapat beberapa kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan berkaitan pengurusan pendidikan tahfiz. Walau bagaimanapun penyelidikan yang dijalankan belum menyeluruh dan masih terdapat ruang kajian yang boleh dilakukan bagi meningkatkan pengurusan institusi tahfiz swasta (ITS) di Malaysia. Kajian-kajian lepas lebih

memfokuskan pada aspek model-model kurikulum (model tahfiz sepenuh masa, model tahfiz, model tahfiz integrasi model tahfiz dini, model tahfiz turath, model tahfiz kemahiran, model tahfiz sukan, model tahfiz pemulihan), integrasi inovasi digital dalam pengajaran tahfiz, pengurusan infrastruktur, pengurusan keruntuhan akhlak berteraskan tahfiz, model integrasi waqaf dalam ITS, model integrasi keusahawanan dalam ITS dan model instrumen pengukuran.




Rajah 1: Lompang Kajian Baharu

Justeru, kajian ini dijangka dapat memenuhi jurang kajian dari aspek penjimatan melalui integrasi kelestarian alam dalam pengurusan Institusi Tahfiz Swasta sebagai langkah alternatif bagi meningkatkan kemandirian dan jangka hayat sesebuah organisasi tahfiz dalam mendepani cabaran peningkatan kos operasi.

Konsep Penjimatan Sumber Berasaskan Model Institusi Alami (MITA)

Kelestarian yang dimaksudkan di sini adalah langkah alternatif yang tidak ada kemudaratan, mencegah segala pembaziran, mengutamakan yang penting dalam agama, mengelak segala penyelewengan dan kemusnahan alam sekitar dan pengkalan alam sekitar (Zakaria et al., 2020). Penghijauan merupakan amalan soleh yang mengandungi banyak faedah bagi manusia di dunia serta masalah akhirat. Setiap tanaman mempunyai fungsi yang pelbagai seperti menjadi naungan, sumber makanan dan boleh dijadikan pelbagai alatan daripada tanaman. Tanaman terbukti dapat mengurangkan risiko pencemaran udara (Rosha et al., 2016). Sebagai langkah proaktif bagi meningkatkan produktiviti tanaman atau penghijauan adalah melalui pengembangan sumber daya manusia yang hebat, pembangunan lingkungan berkelanjutan atau

dikenali dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* serta kembali kepada fitrah manusia yang bergelar khalifah dalam memelihara dan menjaga amanah Allah di muka bumi ini (Iskandar & Aqbar, 2019). Peringkat permulaan adalah dengan meningkat kesedaran masyarakat dan individu terhadap kepentingan penghijauan (Damanhuri et al., 2016). Teori Model Institusi Tahfiz Alami yang dikeluarkan oleh Anas et al., (2024) dijadikan sebagai asas utama dalam pembangunan model ini. Kesedaran terhadap peranan amalan kelestarian semakin meningkat pada masa kini. Institusi pendidikan tahfiz dalam Malaysia perlu memulakan langkah baharu dengan menerapkan amalan yang berkonsepkan *Reduce*, *Reuse* dan *Produce* (2R1P) sebagai pembudayaan pengurusan sumber yang berkesan (Anas et al., 2024). Konsep mengubah paradigma (*Reduce*) menumpukan kepada pendekatan yang bersifat menjaga alam sekitar seperti pengurusan sisa pepejal, pendigitalan dan kecekapan tenaga (Smith, 2020). Manakala konsep guna semula (*Reuse*) merupakan langkah inisiatif dalam pembangunan kelestarian alam yang terarah kepada penggunaan semula sumber alam seperti inovasi kreatif sumber dan kitar semula air melalui strategi penuaian air hujan atau air limbah (Leonard, 2024). Konsep terakhir Model MITA iaitu menghasilkan (*Produce*) yang memfokuskan kepada amalan mampan dengan menjana sumber menggunakan alam semula jadi agar sumber tersebut tidak dibazirkan begitu sahaja sebagai contoh tenaga boleh diperbaharui melalui sistem solar (Turner, 2020).



Rajah 2: Konsep Asas MITA

Metodologi

Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan daripada sorotan literatur yang sesuai dengan kajian. Kajian meneliti kajian-kajian lepas mengenai tahfiz sejak 2020 hingga 2025. Penelitian melalui literatur terhadap model, teori, kriteria, dan komponen-komponen kelestarian yang telah tersedia untuk diaplikasikan dalam model integrasi ini. Sampel bagi kajian ini adalah data sekunder dan primer melalui kajian literatur serta tembual semi berstruktur terhadap pakar kelestarian terpilih atau dikenali dengan sampel bertujuan (*purposive sampling*). Manakala pengumpulan data menggunakan kaedah triangulasi yang bermaksud pungutan data melalui temu bual dan dokumen. Menurut

kajian Azlisham (2020); Najahudin (2016), data yang diperoleh daripada sumber yang pelbagai adalah lebih baik kerana ia dapat mendokong dan mengukuhkan satu dapatan dengan dapatan yang lain. Analisis data dilaksanakan dengan menggunakan kaedah analisis tematik melalui data sorotan literatur dan transkrip temubual pakar terpilih menggunakan perisian *Archive for Tecnology, the Life World and Everyday Language Text Interpretation* (ATLAS.Ti).

Dapatan Kajian

Berdasarkan data yang diperolehi kajian mendapati konsep Model Institusi Tahfiz Alami (MITA) menepati konsep penjimatan yang hendak dicapai. Terdapat tiga konsep asas yang boleh diketengahkan kepada Institusi Tahfiz Swasta (ITS) dalam usaha meningkatkan tahap kemandirian ITS iaitu (i) Mengubah Penggunaan (*Reduce*); (ii) Guna Semula (*Reuse*) dan (iii) Menghasilkan (*Produce*).

Mengubah Penggunaan (*Reduce*)

Pengurusan sisa pepejal adalah salah satu strategi dalam mengubah paradigma penggunaan seperti pembudayaan program kitar semula yang komprehensif bagi memastikan kaedah perlupusan bahan kitar semula dilakukan dengan sistematik jika dibandingkan pembuangan sisa secara tradisional yang mengakibatkan lambakan sisa pepejal tidak terurus dengan baik. Selain itu, penditigalan turut dikategorikan dalam konsep mengubah paradigma penggunaan dengan melaksanakan inovasi pengurusan secara manual kepada digital seperti penggunaan sistem digital berbanding penggunaan kertas secara manual. Hal ini dapat mengurangkan kos penggunaan bahan mentah seperti kertas dalam pengurusan ITS. Strategi kecekapan tenaga dengan pemasangan automasi peralatan elektrik terbukti dapat mengurangkan penggunaan tenaga seperti sistem automasi pada lampu, ia akan terpadam sendiri jika tidak digunakan.

Guna Semula (*Reuse*)

Konsep ini satu inisiatif penggunaan sumber secara mampan. Hasil kajian mendapati bahawa strategi penuaian air hujan dan air limbah dapat membekalkan air alternatif serta mengurangkan penggunaan air paip dalam ITS. Selain itu, strategi penuaian air hujan juga berfungsi sebagai tempat tadahan air hujan bagi mengatasi masalah banjir kilat khususnya dikawasan bandar. Strategi penuaian air limbah tidak boleh digunakan untuk minuman, namun masih dapat dipanjangkan penggunaan air limbah tersebut untuk menyiram tanaman-tanaman sekitar ITS. Pengurangan pembuangan air limbah ke sungai mampu mengurangkan pencemaran sumber air tawar.

Menghasilkan (*Produce*)

Amalan mampan dengan menjana sumber dari alam semula jadi merupakan gagasan idea yang baik. Pembangunan kebun organik dalam kawasan ITS dengan menggunakan baja kompos daripada sisa makanan kantin sekolah dilihat mampu menjana pendapatan serta penghasilan makanan bagi ITS secara mandiri. Penjimatan sumber bahan mentah seperti sayuran hijau dapat ditingkatkan melalui kebun organik. Selain itu, penghasilan tenaga boleh diperbaharui dapat diperolehi melalui strategi sistem solar. Pemasangan panel solar di bangunan-bangunan ITS dilihat mampu mengurang penggunaan elektrik berbayar. Hasil sumbangan yang masih diterima oleh ITS daripada orang ramai perlu diperuntukan untuk pemasangan panel solar dan tidak dihabiskan untuk menyara kos operasi semata-mata. Pemasangan sistem solar di ITS merupakan perlaburan yang mampu menyumbang kepada penjanaan tenaga untuk kegunaan ITS atau dijual semula. Perkara ini sangat rasional dilaksanakan kerana negara Malaysia menerima sebanyak 4 hingga 5 kWh/m² setiap hari sepanjang tahun.

Kesimpulan

Integrasi kelestarian alam dalam tadbir urus institusi tahfiz swasta di Malaysia merupakan satu keperluan mendesak selaras dengan tuntutan Islam terhadap penjagaan alam sekitar dan pembangunan mampan. Kajian ini menunjukkan bahawa penerapan elemen kelestarian dalam pengurusan institusi tahfiz mampu meningkatkan kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab menjaga alam, di samping memupuk budaya pengurusan yang lebih beretika, cekap dan lestari. Walaupun terdapat pelbagai cabaran seperti kekangan sumber kewangan, kurangnya pendedahan dan kepakaran dalam aspek kelestarian, inisiatif yang berasaskan nilai-nilai Islam serta kerjasama dengan pihak luar mampu memperkukuh usaha ini. Oleh itu, satu pendekatan holistik yang melibatkan latihan, dasar yang menyokong, serta integrasi kurikulum yang relevan amat diperlukan bagi memastikan institusi tahfiz tidak hanya melahirkan huffaz yang berilmu, malah bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Rujukan

- Abdullah, A., Embong, A. H., Azmi, R., Mokhtar, W. K. A. W., Alias, N. D. F., Chua, N. A., & Ab Hamid, D. S. (2024). Integrasi pendidikan tahfiz dan akademik. *Global Journal Al-Thaqafah*, 60-72.
- Anas, N., Ramlan, A. N. M., Ghazi, M., & Mutalib, F. A. (2022). Tahfiz-Based Model on Akhlaq of Adolescents (TMAA): Views from Selected Tahfiz Associations in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(3), 798-806.
- Azri, W. N. A. W. M., & Sulaiman, R. A. (2023). Pembangunan Sistem Pembelajaran Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah. *Applied Information Technology and Computer Science*, 4(1), 1160-1175.
- Baharudin, S. M., Hani, A. H. A., Khalid, N. F., & Zainal, M. Z. (2021). Keberkesanan Aplikasi Al-Quran M-Pembelajaran Dalam Meningkatkan Pencapaian Hifz Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *e-BANGI*, 18(9), 122-134.
- Damanhuri, M. I. M., Ehambron, D., & Yusuf, M. (2016). Tahap Kesedaran dan Amalan Pendidikan Alam Sekitar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Aliran Sains di Daerah Hulu Selangor. *Geografi*, 4(2), 28-35.
- Doyok, R. (2021). Model Evaluasi CIPP Dalam Mengevaluasi Program Tahfiz Selama Daring di SMP Islam Al-Ishlah Bukittinggi. *Ideas: Jurnal Pendidikan, Sosial, dan Budaya*, 7(3), 73-82.
- Fahmi, A., & Sukendah, S. (2023). Konservasi Alam Dalam Perspektif Etika Keilmuan Islam Dalam Perubahan Iklim. *Jurnal Ilmu Pertanian dan Perkebunan*, 5(1), 16-29.
- Haneefa, M. H. M., Abdullah, W. N. W., Mohamad, S., & Saad, M. F. M. (2023). Tinjauan Model dan Kurikulum Tahfiz di Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(1), 117-125.
- Harian Metro. (2024). Siren Amaran Banjir Ditambah Baik Bagi Beri Kesan lebih Ketara. <https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1140345/siren-amaran-banjir-ditambah-baik-bagi-beri-kesan-lebih-ketar>
- Abu Hassan, K., Abd Rasip, M. R., Baharin, Z., & Zainudin, Z. (2020). Model Hamalatul Quran Kurikulum Pendidikan Tahfiz Negara (MyQuran). *Sustainable Education Towards Human Achievement*, 458-470.
- Hassan, N., Salamon, H., & Rahman, H. A. (2016a). Kepentingan Pengurusan Berteraskan Islam Dalam Sektor Teknologi Hijau Negara. *Journal of Business Innovation*, 1(1), 89-100.
- Hassan, N., Salamon, H., & Rahman, H. A. (2016b). Sumbangan Teknologi Hijau Dalam Ketamadunan Islam. *Sains Humanika*, 8(3-2), 29-37.

- Hassan, S. H. M., Ayub, M. N., Hamid, C. K., Yahaya, S., & Abdullah, S. R. (2024). Impak Pelaksanaan Wakaf Tunai ke Arah Melestarikan Sekolah Agama Rakyat (SAR): Kajian di Sekolah Rendah Tahfiz Integrasi (SRITI) Al-Fateh, Raub, Pahang. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(3), 1-12.
- Hisam, N. H. B. B., Abd Rahman, S. S. B., & Syed Hassan, S. N. (2023). Metod Pengajian Tahfiz Menggunakan Kaedah Turki Uthmani di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6(11), 105-118.
- Iskandar, A., & Aqbar, K. (2019). Green Economy Indonesia Dalam Perspektif Maqashid syari'ah. *Al-Mashrafiyah: Jurnal Ekonomi, Keuangan, dan Perbankan Syariah*, 3(2), 83-94.
- Jabatan Meteorologi Malaysia, (2024). *Statistik Kawasan Tadahan Hujan Tahun 2024*. <https://www.met.gov.my/data/climate/tinjauancuacajangkapanjang.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2024). *Statistik Penggunaan Elektrik Bagi Tahun 2024*. https://open.dosm.gov.my/ms-MY/data-catalogue/electricity_consumption
- Kabir, E., Kumar, P., Kumar, S., Adelodun, A. A., & Kim, K. H. (2018). Solar Energy: Potential and Future Prospects. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 82, 894-900.
- Leonard, F. (2024). Identifikasi Risiko Pencemaran Air Limbah Domestik. *Jurnal Media Teknik Sipil*, 2(1), 33-42.
- Malaysia Kini. (2022). Air Adalah Kehidupan. <https://m.malaysiakini.com/brandedcontent/637658>
- Mohd Akhir, N. S., & Mohd Yusof, A. S. (2022). Pembangunan Wakaf di Maahad Tahfiz An-Nahdoh, Pulau Pinang: Acuan Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 218-222.
- Mohd Taharin, M. A. (2023). *Kerangka Pengurusan Aktiviti Keusahawanan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) di Malaysia* (Masters Dissertation, Universiti Teknologi MARA (UiTM)).
- Muhammad, N., Alias, N., Jamaludin, K. A., & Zulnaidi, H. (2022). Skills-Based Curriculum Design for Culinary Course in Traditional Tahfiz Institutions. *Heliyon*, 8(6), e09591.
- Othman, A. M. A., & Anas, N. (2020). Evolusi Tadbir Urus Tahfiz Swasta di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 127-133.
- Rashed, Z. N., Yahaya, M., Ilias, M. F., Sungit, M. F., Rahman, A. H. A., & Radzi, N. M. (2021a). Pengurusan Infrastruktur Sekolah: Kajian Kes di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 75-90.
- Rashed, Z. N., Yahaya, M., Radzi, N. M., Ilias, M. F., Sungit, M. F., & Rahman, A. H. A. (2021b). Perlaksanaan Model Kurikulum Turath di Maahad Tahfiz Integrasi Negeri Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 139-150.
- Rosha, P. T., Fitriyana, M. N., & Ulfa, S. F. (2016). Pemanfaatan Sansevieria Tanaman Hias Penyerap Polutan Sebagai Upaya Mengurangi Pencemaran Udara di Kota Semarang. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa*, 3(1), 1-6.
- Roslan, R. (2020). Semakan Tarif Elektrik TNB. *Harian Kosmo*, April 9, 2020.
- Sani, M. A. B. B. S. (2024). Penerapan Psikoterapi Islam Dalam Mengelola Stress Pasien Kanker (Studi Kasus Terhadap Klien "M" Kanker Prostat di Tahfiz Darul Furqan). *Berkala Ilmiah Pendidikan*, 4(3), 491-499.
- Sanusi, S. W. S. A., Aman, Z., & Awaludin, N. S. (2023). Pelaporan Kewangan Wakaf Tunai di Sekolah-Sekolah Tahfiz Swasta Negeri Sembilan. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 3(1), 1-11.
- Shaharuddin, S. A., Ismail, S., Mustafa, N. M., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2024). Kemajuan Inovasi Aplikasi Tahfiz Digital: Satu Kemudahan Bagi Pengajian Tahfiz Al-quran di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 133-146.

- Smith, A. (2020). Recycling Programs in Educational Institutions: A Case Study of Institutional Religious School. *Environmental Management*, 17(2), 89-102.
- Taharin, M. A., & Anas, N. (2021). Populariti Aktiviti Keusahawanan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) di Malaysia. *Sains Insani*, 6(3), 197-203.
- Turner, D. (2020). Harnessing Solar Energy for Sustainable Practices. *Renewable Energy Journal*, 7(4), 203-216.
- Udin, N. A., & Musa, S. M. S. (2022). Penggunaan Tenaga di Dalam Bangunan Hijau. *Research in Management of Technology and Business*, 3(2), 524-536.
- Yones, H., Lahmi, A., & Rasyid, A. (2022). Pembinaan Akhlak Peserta Didik Melalui Pembelajaran Tahfiz Alquran. *Jurnal Kajian dan Pengembangan Umat*, 5(1), 66-86.
- Yusof, N. H., Zain, A. D. M., Wahab, A. H. A., Razali, M. A. T. M., Ismail, F. Z., & al-Thulaia, H. A. A. (2025). Online Al-Quran Tasmik Model for Quality Education. *Journal of Lifestyle and SDGs Review*, 5(1), 1-15.
- Yusoff, M. N., Yusof, R., Talib, A., Ayoup, H., Ahmad, Z. I., & Abdul Rahman, M. N. (2018). *Projek Rekabentuk Lestari: Pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan di Kawasan Luar Bandar*. Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3, 2-3 Ogos 2018, Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
- Zakaria, M. B., Noh, N. C., & Hasan, J. (2020). Kelestarian Pertanian Dalam Islam. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 1-11.
- Zakaria, M. S., Samah, N. A. A., & Ahmad, A. M. (2022). *Model Hafazan Al-Quran Techno Huffaz*. Unit Penerbitan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Zulkiflee, N. I., & Ismail, S. (2023). Kepelbagaian Fahaman Konsep Bangunan Hijau Dalam Kalangan Pelaksana Pembinaan di Malaysia. *Recent Trends in Civil Engineering and Built Environment*, 4(2), 12-20.